

» Penyelidik berusaha pulihara khazanah dasar laut diancam kemusnahan

UMS

kaji terumbu karang

Peserta ekspedisi bergambar selepas menjalankan penyelidikan terumbu karang di perairan Sabah.



Oleh Mohd Nazllie Zainul upen@bh.com.my

► Kota Kinabalu

BH 17.2.2019 10

Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), mengambil inisiatif menjalankan penyelidikan memulihara terumbu karang sekitar Semporna, selepas mengambil kira risiko kemusnahan yang boleh mengancam kawasan itu.

Penyelidikan sekitar Semporna itu meliputi kawasan Segitiga Terumbu Karang, bermula sejak 2010 dilakukan secara berkala saban tahun di beberapa lokasi bagi mengenal pasti perbezaan kepelbagaian biologi dan ekosistem terumbu karang.

Pensyarah Sains Marin UMS, Muhammad Ali Syed Hussein, berkata hasil kajian menunjukkan Semporna memiliki kepelbagaian hidupan marin yang tinggi dan setaraf kawasan lain dalam Segitiga Terumbu Karang, terutama bagi pengelasan batu karang, ikan dan udang.

Ambil masa ratusan tahun

Bagaimanapun, beliau berkata, status kesihatan terumbu karang di Semporna dilaporkan berada dalam keadaan membimbangkan.

“Antara kegiatan yang membawa kemusnahan terumbu karang di Sabah ialah penangkapan ikan menggunakan bom, pembuangan sisa toksin ke laut dan aktiviti mengambil batu karang secara berleluasa untuk dijadikan perhiasan.

“Aktiviti seumpama itu akan memusnahkan khazanah laut, terutama batu karang yang mewarnai dasar lautan dan mungkin men-



Keindahan terumbu karang yang memukau di dasar laut perairan Semporna.



Muhammad Ali Syed Hussein

gambil masa ratusan tahun untuk kembali pulih,” katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Dalam penyelidikan terbabit, Muhammad Ali berkata, batu karang dari keluarga *Fungiidae* digunakan sebagai wakil keseluruhan selepas 44 spesies direkodkan dari 63 tapak kajian.

Beliau berkata, komposisi spesies batu karang *Fungiidae* berbeza di setiap tapak kajian dan bergantung kepada keadaan terumbu karang di tapak terbabit.

Secara umum, katanya, kepelbagaian spesies adalah lebih tinggi di kawasan terumbu karang berhampiran tanah besar, didahului Pulau Maiga di Taman Marin Tun Sakaran dan Pulau Batik Kulumbu di Teluk Darvel.

“Kedua-dua tapak kajian itu merekodkan 29 spesies batu karang dari keluarga *Fungiidae*. Kawasan yang menjadi keutamaan dalam pemuliharaan terumbu karang *Fungiidae* di Semporna terbahagi kepada dua kelompok.

INFO

Terumbu karang:

- Adalah kumpulan hidupan laut yang melakukan simbiosis dengan 'zooxanthellae' atau lebih dikenali sebagai tumbuhan alga.
- Kawasan yang kaya dengan makanan dan menjadi tempat berlindung ribuan spesies hidupan marin.
- Berperanan menyerap karbon dioksida.
- Batu karang juga digunakan sebagai ganti tulang manusia dalam pembedahan ortopedik.

Biak batu karang

“Kelompok pertama ditemui di kawasan terumbu sawar, tebing karang Pulau Sipadan dan kawasan terumbu karang di arah timur laut Semporna. Kelompok kedua pula didapati sekitar kawasan barat laut dan Teluk Darvel serta Taman Marin Tun Sakaran.

“Jumlah 44 spesies terumbu karang *Fungiidae* yang direkodkan sepanjang ekspedisi itu adalah kepelbagaian tertinggi berbanding kawasan lain dalam Segitiga Terumbu Karang seperti Berau, Kalimantan Timur dan Raja Ampat, Papua Barat.

“Hasil dapatan itu sekali gus menunjukkan Semporna memegang rekod jumlah spesies tertinggi untuk batu karang jenis berkenaan yang memerlukan usaha pemuliharaan berterusan,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Ali berkata, pihaknya merancang melakukan kajian untuk membiakkan batu karang melalui terumbu karang buatan dan dalam tangki.

“Kajian merangkumi kaedah untuk memaksimumkan hasil pembiakan dan melihat perbezaan pertumbuhan dalam keadaan serta pemakanan berlainan. Terumbu karang di Sabah, terutama di Semporna, perlu dipulihara bagi memastikan khazanah alam itu tidak lenyap akibat aktiviti manusia,” katanya.

